



Skuad menembak Pahang akan beraksi pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) Perak.

BERITA HARIAN 10/9/18 MYS 61

Pemakanan atlet dipantau

➔ Kontinjen Pahang ambil langkah elak terjebak kes tidak diingini

Oleh Asrol Awang
sukanteam@nstp.com.my

► Kuantan

Ketika semua persiapan dan latihan sudah mencapai tahap maksimum menjelang temasya Sukan Malaysia (SUKMA), Perak bermula Rabu ini, kontinjen Pahang kini mula menumpukan kepada aspek pemakanan bagi mengelak atlet tersalah langkah.

Langkah itu bertujuan mengelak mereka daripada terjebak kes yang tidak diingini, terutama membabitkan pengambilan suplemen mengandungi bahan terlarang yang akan memberi imej buruk kepada kontinjen dan negara.

Ketua Kontinjen Pahang, Datuk Fadzilla Salleh menegaskan, sebarang pengambilan makanan dan bahan sampingan yang ingin diambil atlet perlu dirujuk dengan Majlis Sukan Pahang (MSP), pengurus dan jurulatih.

"Sebab itu pada majlis perjumpaan bersama pengurus dan jurulatih, saya mengingatkan mereka supaya memastikan atlet masing-masing peka dengan pengambilan makanan dan bahan sampingan.

Elak imej negatif

"Kita tidak mahu berlaku kes disiplin kerana ia akan memberi imej negatif dan sebaiknya ia dielakkan," katanya, semalam.

Fadzilla turut memberi amaran dan peringatan kepada 435

atlet, masing-masing 278 lelaki dan 157 wanita Pahang supaya sentiasa menjaga imej negeri daripada terabit dalam gejala tidak sihat.

"Saya harap atlet Pahang dapat mencapai sasaran 32 emas dan jika melepasi, ia adalah bonus buat kontinjen Pahang," katanya.

Pada SUKMA kali ini, Pahang menyenaraikan 435 atlet iaitu penyertaan terbanyak buat kontinjen negeri dan mereka akan menyertai 29 acara sukan.

Ketika temasya SUKMA Sarawak 2016, Pahang meraih 30 emas, 25 perak, 21 gangsa. Pencapaian terbaik ialah pada SUKMA Pahang 2012, dengan memungut 45 emas, 40 perak dan 38 gangsa.